

Najib, tiga lagi tuntutan wang disita SPRM

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan tiga pihak lagi akan memohon untuk menuntut aset dan wang yang disita yang didakwa berkaitan dengan skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Tiga pihak itu ialah isterinya Datin Seri Rosmah Mansor dua anak mereka iaitu Nooryana dan Norashman; Global Royalty Trading SAL dan UMNO.

Mereka akan memohon untuk menjadi pihak ketiga bagi menuntut aset dan wang yang disita daripada Obyu Holdings Sdn. Bhd.

Antara yang disita pada 17 Mei 2018 ialah 11,990 unit barang kemas, jam tangan 401 utas dan 16 unit aksesori jam tangan, cermin mata 234 unit dan 306 beg tangan serta wang tunai berjumlah RM114,164,393.44 dalam pelbagai denominasi yang disita pada 31 Jan 2019.

Selain itu, sebuah hartanah di sebuah daerah Kuala Lum-

pur turut disita pada 1 November 2018.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Aaron Chelliah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberitahu mahkamah beberapa pihak ketiga hadir ke mahkamah untuk membuat tuntutan ke atas aset dan wang yang disita daripada Obyu Holdings Sdn. Bhd.

"Pihak kami telah mengeluarkan perwartaan notis pihak ketiga pada 23 Ogos lepas dan beberapa pihak telah hadir ke mahkamah," katanya pada sebutan kes di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Collin Lawrence Sequerah.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib memberitahu anak guamnya berhasrat menuntut sejumlah wang mata wang asing, jam tangan dan pen manakala peguam Azrul Zulkifli Stork yang bertindak bagi pihak Rosmah serta dua anaknya iaitu Nooryana dan Norashman juga mahu menuntut harta-harta yang disita. - **BERNAMA**